

BN akan bertanding di Usukan

JITRA, Jumaat — Barisan Nasional (BN) akan bertanding dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Usukan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, BN tidak perlu mencabar pengisytiharan Dewan Undangan Negeri berkenaan mengenai kekosongan kerusi itu setelah wakilnya, Tun Datu Haji Mustapha Datu Harun, tidak lagi menjadi ahli Usno kerana menyertai Umno.

Ketika diminta menguias kesediaan Tun Mustapha untuk bertanding dan tidak mencabar keputusan itu di mahkamah, Perdana Menteri

berkata: "Kita bertandinglah..."

Ketika ditanya lagi sama ada beliau yang menasihatkan Tun Datu Mustapha supaya jangan mencabarnya di mahkamah, beliau berkata: "Saya rasa tak payah pergi mahkamah... boleh bertanding."

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menghadiri majlis berbuka puasa di Masjid Teluk Malik, kira-kira 50 kilometer dari Alor Star, malam ini ketika diminta mengulas tindakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah mengisytiharkan kekosongan kerusi Usukan selepas wakilnya, bekas Presiden

Usno, Tun Datu Mustapha menyertai Umno.

Mengenai calon bagi kerusi berkenaan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata calonnya belum ditentukan lagi.

Sebelum itu, Tun Datu Mustapha, yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, berkata Umno bersedia mempertahankan kerusi itu, sekiranya pilihanraya kecil diadakan di Usukan.

Ketika ditemui di kediamannya di Petaling Jaya, beliau berkata, oleh kerana Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah mengisytiharkan kekosongan kerusi Usukan, maka satu pilihanraya kecil mung-

kin diadakan di situ.

"Oleh kerana itu keputusan DUN, kita tidak akan lawan di mahkamah," katanya sambil berkata perkara itu sudah diberitahu kepada Datuk Seri Dr Mahathir dan timbalannya, Encik Ghafar Baba.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mempertahankan kawasan DUN Usukan, Tun Mustapha berkata: "Saya sedang fikirkan mengenai perkara itu."

Beliau yakin Umno akan dapat mengekalkan kawasan itu kerana ia adalah kubu kuat Usno, malah ramai ahli Usno di situ sudah menganggotai Umno.